

BAB V

P E N U T U P

Perbincangan Am

Ada ura-ura dari kerajaan negeri Perak hendak membina sebuah pejabat agama dan mahkamah syariah yang baru bagi menggantikan bangunan yang ada sekarang. Ini kerana memandangkan kepada bangunan yang ada sekarang agak sempit. Dan juga memandangkan kesibukan yang semakin bertambah.

Pada amnya dapat ditegaskan di daerah ini nampaknya yang lebih kerap menemui Kadi ialah kaum wanita. Saya percaya di daerah-daerah lain dalam negeri ini pun mengalami kejadian yang sama. Ini terjadi kerana pada hakikatnya kaum wanitalah yang lebih banyak perlu mendapatkan perlindungan undang-undang. Terutama sekali dalam aspek-aspek undang-undang keluarga Islam. Sesungguhnya banyak sekali dibuat perbincangan-perbincangan, kritik-kritik tentang pelaksanaan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Kadi Daerah.

Seorang penulis berpendapat;

"Masaalah yang terbesar terletak dalam menunjuk
ajar Kadi dan perempuan Islam untuk menjamin
perlaksanaan undang-undang dan menghapuskan
prejudis ke atas wanita Islam dalam Mahkamah
Syariah".¹

Pentadbiran undang-undang dari hari ke hari terletak ditangan Kadi
yang pada pandangan kebanyakan reformist sebagai tidak begitu cekap (lalai)
dalam melaksanakan undang-undang yang ada.²

Sebagai Kadi Encik Nuruddin Haji Siddek menegaskan bahawa beliau
menjalankan tugasnya dari semasa kesemasa mengikut arahan dari Majlis Ugama
Islam Ipoh, Perak. Nampaknya seperti kedudukan Kadi-kadi lain di Malaysia,
Kadi Teluk Anson ini juga banyak mempergunakan budi-bicara, dalam menghadapi
sesuatu masaalah.

Seterusnya Kadi ini lebih banyak berfungsi memberikan nasihat-
nasihat atau mencari helah supaya dapat menghindarkan sesuatu yang buruk
berlaku daripada hanya mencari kesalahan dan menghukum salah satu pihak
yang terlibat.

Pengaduan-pengaduan dicatitkan oleh Kadi. Dan perbicaraan dijalan-
kan oleh Kadi Mahkamah yang datangnya dari Ipoh³ (ini dalam bidang mal)

1. M.A. Razman, "Malaysian Women Win Reform" in The Asia Magazine, Vol.15.
(13. July, 1975) m.s. 12.

2. Op-cit., m.s. 12.

3. Kadi Litar, lihat Bab III.

dan separuh jenayah (seperti kes nafkah). Manakala dalam bidang jenayah pula Kadi Besar dari Ipoh datang bersama Pegawai Pendakwa.

Dalam aspek perbicaraan suatu hal yang selalu menimbulkan masalah ialah pihak yang kena tuntutan selalu enggan hadir di Mahkamah. Ini terjadi walaupun saman telah disampaikan. Kesannya perbicaraan terpaksa ditangguhkan. Pihak menuntut (biasanya perempuan) akan tentunya kerugian, samada dari segi masa dan perbelanjaan datang ke Mahkamah pada hari yang sepatutnya ada bicara itu.

Nampaknya lemah sekali fungsi saman itu. Mahkamah Syariah jarang sekali menggunakan Polis untuk menangkap pihak-pihak yang berdegil itu. Tetapi mahkamah boleh membuat keputusan tanpa kehadiran pihak kena tuntutan (biasanya dalam kes mal).

Pihak mahkamah juga terpaksa mengeluarkan ikian-iklan di surat khabar bila seseorang yang kena tuntutan itu ghaib. Ini kebanyakannya terjadi dalam kes-kes taalik. Pihak isteri telah datang ke pejabat ini, dan menyatakan tuntutan meminta cerai taalik sebab suami telah tidak balik-balik dalam jangkamasa yang lama.⁴

4. Lihat Lampiran A.

Bila disoal tentang kesan iklan ini pada kecekapan perbicaraan; jawapan yang didapati ialah iklan hanya berfungsi sebagai membantu saman. Effektif atau tidak terpulanglah kepada keadaan. Walaubagaimanapun ini merupakan cara yang selalu digunakan oleh mahkamah ini.

Soal penyampaian saman juga perlukan peninjauan semula. Elokiah dibuat beberapa langkah untuk melincinkan semula cara penyampaian saman ini. Saya berpendapat adakah seorang kerani mahkamah di daerah ini dan antara tugasnya termasuklah soal penyampaian saman ini. Buat masa ini cuma ada seorang kerani Kadi yang merangkap kerani mahkamah. Jadi terlalu banyak kerja yang dilakukannya. Ini menjadikan kurang cekapnya urusan pejabat. Dalam menyampaikan saman, pihak pejabat terpaksa meminta bantuan Ketua Kampong, Penghulu atau lain-lain.⁵

Dalam aspek nikah kahwin cerai dan rojok dapat dikatakan bertambah-tambah cekap pentadbiran pejabat ini. Naib Kadi selalu juga diberikan taklimat oleh pejabat ini dan juga dari pejabat pusat Ipoh.

Bagi lelaki yang hendak berkahwin di luar daerah ini surat pengakuan akan dikeluarkan oleh pejabat ini.⁶

5. Contoh surat, lihat lampiran B.

6. Lihat Lampiran C.

Sayugia diingatkan di sini bahawa hubungan antara pejabat Kadi daerah-daerah dalam negeri Perak adalah sangat baik sekali. Kadi-kadi selalu mengadakan perjumpaan. Mereka bermesyuarat, berbincang dan lain-lain. Kesannya yang dapat dijangka ialah ini sedikit sebanyak menambahkan kecekapan pentadbiran.

Dari rekod-rekod yang ada menunjukkan bilangan perceraian semakin berkurangan. Ini mungkin disebabkan oleh kesedaran yang meluas atau kesukaran untuk mendapat cerai. Lain-lain sebab ialah kerana perkahwinan itu masih dapat disatukan semula dengan nasihat Kadi. Dan cerai yang sekian dari dengan persetujuan kedua-dua pihak memerlukan perbincaraan. Ini suatu hal yang merumitkan.

Dalam aspek jenis-jenis perceraian, selain dari talak, perceraian cara taalik merupakan yang banyak sekali dibicarakan. Kes taalik dapat dikatakan mendahului kes-kes lain di daerah ini.

Sewaktu ditanya akan sebab ini, Kadi Teluk Anson berpendapat ini mungkin sebab sosio ekonomi. Kebanyakan pihak menuntut (perempuan) yang terlibat, datangnya dari kampung. Mereka menegaskan, suami tidak balik-balik. Nafkah tidak diberi. Alasan suami keluar rumah ialah hendak mencari kerja yang lebih baik. Tetapi malang sekali suami terus ghaib.

Fasakh tidak begitu banyak terjadi. Tetapi jika terjadi tuntutan di mahkamah ini merupakan suatu kes yang agak berat. Kes tebus talak jarang sekali terjadi di daerah ini. Seterusnya kes-kes nafkah (yang diistilahkan sebagai separuh jenayah) mendapat tempat kedua dalam senarai kes-kes sepanjang tahun.

Satu pembaharuan yang dibuat di daerah ini ialah mengenai rekod penerimaan nafkah anak dan pembayarannya. Ini disediakan dalam buku khas seperti yang ditunjuk dalam rajah 5. Sebelum terciptanya gaya baru ini, rekod-rekod cuma dicatitkan dalam kertas biasa dan difailkan. Sistem fail agak kurang teratur jika dibandingkan dengan sistem buku rekod ini.

Kes harta sepencarian pun jarang sekali dibicarakan. Dalam hal faraid atau pembahagian harta, nampaknya mahkamah Kadi cuma mengeluarkan sijil-sijil faraid. Dalam sijil-sijil itu disebutkan nama-nama waris dan bahagian yang ia patut dapat mengikut hukum syarak.

Sesungguhnya jumlah sijil-sijil faraid yang dikeluarkan agak banyak juga bagi tiap-tiap tahun. Sejak awal tahun 1976 hingga jun, 1976 jumlahnya hampir meningkat 200 sijil.

Sijil itu sebenarnya adalah terdiri dari kertas biasa saja yang ditaip. Cuma ia dapat pengesahan Kadi saja. Saya syorkan agar pejabat ini membuat bentuk sijil pengakuan yang lebih baik lagi. Misalnya kertasnya biarlah mempunyai 'letter head' pejabat Kadi.

Kesimpulannya dari pemerhatian yang saya buat, didapati bahawa pentadbiran pejabat Kadi Teluk Anson merupakan antara yang terbaik dalam negeri Perak.

Maklumat Terbaharu: Jawatan Naib Kadi Akan Dihapuskan

Sewaktu bertitah meresmikan pejabat agama daerah Tapah pada 3hb. Ogos, 1976, Sultan Perak menyebut;

"Jawatan Naib Kadi akan dihapuskan di Perak tidak lama lagi dan akan digantikan dengan jawatan Pendaftar Nikah Cerai".

Sultan akan mengarahkan Jabatan Agama Islam Perak melaksanakan peraturan baru itu secepat mungkin. Dengan perubahan itu semua upacara nikah akan dilakukan di pejabat-pejabat agama daerah dan tidak lagi di rumah bakal pengantin seperti yang berjalan masa lalu.⁷

Semua kes perceraian juga akan dijalankan di pejabat agama, dimana kedua-dua pasangan suami isteri yang hendak bercerai akan melafazkan perceraian mereka dihadapan Kadi bersama dua orang saksi serta mengisi borang khas. Sistem nikah cerai yang dijalankan oleh Naib-naib Kadi sekarang ini menurut Sultan Perak sudah tidak sesuai lagi dengan peredaran zaman.

7. Utusan Malaysia, 4 Ogos, 1976, m.s. 7.

Perbincangan Am

Dalam bahagian zakat dan fitrah Kadi sekali lagi berfungsi sebagai pengawas utama. Baru-baru ini telah diwujudkan satu jawatan baru. Iaitu 'Pengawas Baitul Mal'. Terdiri dari pengawas Perak Selatan (Teluk Anson) dan Perak Utara. Sesungguhnya ini suatu perkembangan yang menarik. Dan ini tentu akan menambahkan kecekapan pentadbiran zakat fitrah bagi daerah ini.

Setakat ini pembayaran zakat cuma datangnya dari petani-petani saja. Sedikit sangat zakat datang dari lain-lain bahagian, sedangkan mengikut ajaran Islam banyak cabang harta yang boleh dikenakan zakat. Sebagai panduan elok diperturunkan semula hukum Islamnya:

(1) Tiap-tiap orang yang memiliki wang sebanyak \$292.80 dan disimpan selama setahun wajib dikeluarkan zakat 2½%.

(2) Orang-orang yang berbandang dan mendapat 364 gantang wajib dikeluarkan 1/10 zakatnya.

(3) Orang yang memelihara binatang ternakan sampai bilangan 40 ekor lembu dan kerbau 30 ekor, wajib dikenakan zakatnya seekor anak berumur setahun atau nilai yang sama dalam bentuk wang.

(4) Orang yang berniaga selama setahun dan nilainya sampai \$292.80 wajib dikeluarkan zakatnya.

(5) Orang yang menyimpan emas dan kadarnya 25 mayam selama setahun, zakatnya $2\frac{1}{2}\%$.

(6) Orang yang menyimpan perak 176 mayam (selama setahun) zakatnya $2\frac{1}{2}\%$.⁸

Jadi inisiatif untuk mendapat kewangan dari lain-lain jenis zakat perlu dibuat. Dengan itu tugas pengawas khas itu sangat penting sekali dalam aspek ini.

Perkara yang menghubungkan aspek mahkamah dan pejabat agama di daerah ini dalam hal zakat dan fitrah ialah segi hukuman iaitu kesalahan-kesalahan tidak membayar fitrah, kesalahan dilakukan oleh amil, akan dituntut di dalam mahkamah dengan berpandukan enakmen Undang-undang Islam Perak, 1965 juga.

Dalam hal fitrah pula suatu hal yang selalunya kurang melincinkan pentadbiran ialah mengenai pembayaran yang kadangkala dibuat oleh individu kepada orang bukan amil. Tetapi hingga tahun 1975 kejadian seperti ini agak berkurangan kerana pelaksanaan undang-undang seksyen 176 sangat diberatkan. Tindakan mahkamah tetapi diambil ke atas sesiapa yang tidak membayar fitrah.

8. Panduan Rukun Islam, Terbitan Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Perak, 1970.

Sudah diketahui umum bahawa wang kutipan zakat fitrah, sebahagiannya akan diberikan bantuan kepada fakir miskin. Soal yang timbul dalam hal ini ialah apakah standard yang dipakai setakat ini, sungguhpun ada garis panduannya, tetapi ianya juga perlu dipersoalkan.

Soal fakir miskin masih belum dapat diatasi. Tetapi ini bukan fungsi Pejabat Ugama. Pejabat hanya memberikan bantuan ikut hukum syarak saja. Antara kegunaan lain akan wang zakat ialah bantuan kepada masjid, sekolah ugama rakyat dan lain-lain.

Pernah suatu ketika dulu pejabat ugama daerah ini mengeluarkan bantuan kepada pesawah-pesawah (seperti yang dikehendaki oleh Majlis Ugama Perak). Tujuannya semata-mata hendak mengelakkan pesawah dari berhutang kepada orang tengah. Tetapi bila tiba waktu pembayaran hutang, inilah yang selalu menjadi kesukitan, sehingga setengah-tengahnya terpaksa dituntut di mahkamah. Akhirnya bantuan seperti ini diberhentikan. Siapakah yang harus dipersalahkan? Terpulanglah kepada diri kita sendiri untuk menjawabnya.

Antara kegunaan wang Baitul Mal ialah membeli tanah-tanah, membeli rumah-rumah sewa untuk dilaburkan. Kegiatan seperti ini begitu lembab sekali perjalanannya di daerah ini.

Suatu hal yang dibanggakan bagi daerah ini ialah banyaknya sekolah ugama rakyat. Ini sesungguhnya merupakan suatu perkembangan yang sihat

dalam bidang perkembangan pelajaran Islam. Pengajaran agama Islam di daerah ini masih berjalan lancar, guru-guru agama yang mengajar secara bersendirian masih kedapatan lagi di kampung-kampung. Mereka mengajar di masjid-masjid dan surau-surau. Pejabat agama memberikan saguhati kepada guru-guru tersebut. Tetapi bilangan yang menghadapi ceramah-ceramah ini kebanyakan terdiri dari kaum wanita. Berikutan itu Kadi Daerah selaku satu jawatankuasa dakwah telah membuat beberapa langkah untuk menarik minat kaum lelaki juga. Terutama sekali kalangan pemuda-pemuda.